



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENSTRUKTURAN YURAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN PRA SEKOLAH:  
MODEL PELBAGAI KRITERIA**

**ROHANI BINTI MOHD**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PENULISAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MATEMATIK)**

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2008**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi

ii

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan  
nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 February 2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ROHANI BINTI MOHD

M20041000064



ptbuspi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbuspi



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, telah dapat juga penulisan laporan ini disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Tujuan penulisan laporan ini dibuat bagi melengkapkan syarat Ijazah Sarjana Pendidikan Matematik di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada En. Abdul Halim bin Amat @ Kamaruddin selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia kedua saya Dr. Sazelli Abdul Ghani yang membantu saya serta memberikan cadangan yang membina. Tidak lupa juga pihak ahli jawatankuasa masjid serta guru-guru di Tadika Ar-Rahman dan tadika yang terdapat di sekitar Lembah Klang yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kerjasama dan menghulurkan bantuan sehingga penulisan laporan ini berjaya dihasilkan.

Semoga usaha ini diterima Allah sebagai amalan yang baik.





## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan aplikasi pengaturcaraan gol untuk menstrukturkan semula kadar yuran di institusi pendidikan pra sekolah. Penyemakan kadar bayaran yuran bulanan ini ditentukan oleh pelbagai matlamat dan kekangan serta melibatkan banyak pihak dalam membuat keputusan. Keperluan terhadap penyemakan kadar yuran bulanan di institusi pra sekolah adalah penting sama seperti penyemakan yuran tahunan di institusi pengajian tinggi kerana ianya melibatkan peningkatan dalam kos operasi juga sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap peningkatan kos pendidikan tidak formal ini. Bagi institusi pendidikan pra sekolah yang bersifat tidak mementingkan keuntungan, kadar yuran yang dikenakan sememangnya yang serendah mungkin. Walau bagaimanapun oleh kerana tiada bantuan kewangan luar, pihak pengurusan perlu memastikan bahawa pendapatan yang diperoleh dari yuran bulanan mestilah dapat menampung perbelanjaan institusi tersebut. Beberapa faktor dipertimbangkan seperti pendapatan ibubapa, polisi pentadbiran dan beberapa kekangan menyebabkan proses penstrukturkan yuran agak sukar jika tidak terdapat satu garis panduan yang jelas dijadikan rujukan. Berdasarkan situasi yang dinyatakan, kajian ini mengemukakan satu model pengaturcaraan gol pelbagai kriteria untuk struktur yuran pendidikan pra sekolah. Kaedah pengaturcaraan gol digunakan untuk mendapatkan satu penyelesaian yang bersifat bertolak ansur di antara pelbagai kekangan (gol) yang perlu dicapai bagi memastikan struktur yuran adalah selari dengan matlamat dan polisi pihak pentadbiran. Hasil dari dapatan kajian, model yang dibina mampu untuk menampung kos operasi dan menghasilkan kadar yuran bulanan yang dapat memenuhi matlamat pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman dan pada masa yang sama dapat membantu golongan ibubapa yang berpendapatan rendah dan sederhana.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRACT

This research reports on the use of a goal linear programming model to establish the fees policy at pre-school institution. The process of establishing the fees are characterized by multiple and conflicting goals, which involved many people to make the decision. The need to revise the fee's rates at pre-school institution is as important as the fees revision at the institution of higher learning because of the increase in operating costs that would have an effect on non-formal educational costs. With regard to the pre-school institutions that offer services with no primary objective of maximizing profit, the fees are charged at minimum rates. Since there is no external financial support for the pre-school, the management have to make sure that the monthly fees collected sufficient to run the school. Apart from that, there are other factors that need to be considered in establishing the fee's structure such as parents income, administrative policies and conflicting objectives that make the process extremely difficult if there is no clear guidelines that can be referred to. Based on these circumstances, this case study tries to develop the fee's structure model by means of a goal programming technique for pre-school institution. The approach of a goal programming model is used in order to provide the pre-school administration with a maximum possible flexibility in stating and prioritizing pre-school goals and objectives regarding the fee's structure. The results of the study show that the model are capable to cover the operating costs (expenses), develop the monthly fees and provide satisfactory solutions for the management of Tadika Ar-Rahman, and at the same time helps the parents with lower income.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
<b>BAB I PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penstrukturran Yuran Pendidikan Pra Sekolah	6
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Soalan Kajian	14
1.5 Kepentingan Kajian	15
1.6 Rasional Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	16
<b>BAB II KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Konsep Pengaturcaraan Gol	18
2.3 Kajian Lepas	21
2.3.1 Penggunaan Model Pengaturcaraan Gol Dalam Kajian	22
2.3.2 Kajian Yang Melibatkan Yuran Pra Sekolah	23





2.3.3 Kajian Penstrukturuan Yuran Menggunakan Aplikasi Pengaturcaraan Gol	23
2.4 Kesimpulan	34
<b>BAB III METODOLOGI</b>	
3.1 Pendahuluan	36
3.2 Rekabentuk Kajian	37
3.2.1 Kajian Kes	37
3.2.2 Pendekatan Kuantitatif	37
3.2.3 Kaedah Temubual	38
3.2.4 Sampel Kajian	39
3.2.5 Instrumen Kajian	39
3.2.6 Prosedur Kajian	40
3.3 Pembentukan Model Penstrukturuan Yuran	41
3.4 Model Asas Pengaturcaraan Gol Bagi Penstrukturuan Yuran	41
3.5 Struktur Yuran Tadika Ar-Rahman	44
3.5.1 Model Pertama (1)	48
3.5.1.1 Pembolehubah Keputusan	49
3.5.1.2 Model Asas	49
3.5.1.3 Kekangan dan Struktur Prioriti	51
3.5.1.4 Rumusan Pengaturcaraan Gol Struktur Yuran Model Pertama (1)	53
3.5.2 Model Kedua (2)	54
3.5.2.1 Pembolehubah Keputusan	56
3.5.2.2 Model Asas	56
3.5.2.3 Kekangan dan Struktur Prioriti	59





3.5.2.4 Rumusan Model Pengaturcaraan Gol Struktur Yuran 2	62
---	----

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	64
4.2 Dapatan Temubual	65
4.2.1 Penduduk Sekitar Lembah Klang	65
4.2.2 Ibubapa Sekitar Pelabuhan Klang	66
4.2.3 Pihak Pengurusan Tadika Ar-Rahman	67
4.3 Perisian Pengaturcaraan Gol	68
4.4 Dapatan Kajian Bagi Model Yang Dihasilkan	68
4.4.1 Penyelesaian Model 1	69
4.4.2 Penyelesaian Model 2	71

**BAB V****KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	77
5.2 Kesimpulan	78
5.3 Cadangan	83

<b>RUJUKAN</b>	85
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	88
-----------------	----





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.1	Kadar Yuran Tadika Ar-Rahman 2007	12
Jadual 1.2	Perbandingan Yuran Tadika Ar-Rahman Untuk Tahun 2006 dan 2007	12
Jadual 1.3	Perbandingan Kadar Yuran Bulanan 2006 (Kategori Tadika)	13
Jadual 3.1	Enrolmen Bulanan Tadika Ar-Rahman Bagi Tahun 2006	46
Jadual 3.2	Jumlah Perbelanjaan Dan Pendapatan Bulanan Tadika Ar-Rahman Bagi Tahun 2006	47
Jadual 3.3	Perbandingan Pendapatan Bulanan Tadika Ar-Rahman Bagi Tahun 2006 Dan Andaian Pendapatan Bulanan 2007	48
Jadual 3.4	Peratusan Kanak-kanak Berdasarkan Selang Pendapatan Ibubapa Bagi kategori Tadika.	55
Jadual 3.5	Kadar Yuran Bulanan Maksimum Untuk Setiap Selang Pendapatan Bagi Kategori Tadika	57
Jadual 3.6	Perbezaan Kadar Yuran Bulanan Maksimum Untuk Setiap Selang Pendapatan Bagi Kategori Tadika	61
Jadual 4.1	Analisis Kadar Yuran Bulanan Untuk Model 1	69
Jadual 4.2	Analisis Kekangan Gol Untuk Setiap Prioriti Bagi Model 1	69
Jadual 4.3	Analisis Kadar Yuran Bulanan Untuk Setiap Kategori Kanak-kanak Bagi Model 2	72
Jadual 4.4	Analisis Kekangan Gol Untuk Setiap Aras Prioriti bagi Model 2	73
Jadual 4.5	Cadangan Kadar Yuran Bulanan Tadika Ar-Rahman Bagi Model 2	76





## SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AJK	Ahli Jawatankuasa
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Reclamation Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
MP	Maktab Perguruan
RISDA 05-4506832	<i>Rubber Smallholder Development Authority</i>
SK	Sekolah Kebangsaan
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
TTAUiT	Tadika dan Taska Universiti Teknologi Mara
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UNICEF	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
3M	Membaca, Menulis, Mengira





## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
Lampiran 1 Data Kos Bayaran Pra Sekolah di Sekitar Lembah Klang (2007)	88
Lampiran 2 Senarai Soalan Temu Bual	89
Lampiran 3 Soalan Dan Kesimpulan Jawapan Temu Bual	90
Lampiran 4 Pendapatan Ibubapa / Penjaga (Kategori Tadika)	92
Lampiran 5a Ringkasan Keputusan Model 1 (DS Windows)	93
Lampiran 5b Sambungan Ringkasan Keputusan Model 1	94
Lampiran 6a Ringkasan Keputusan Model 2 (DS Windows)	95
Lampiran 6b Sambungan Ringkasan Keputusan Model 2	96





## BAB I

### PENGENALAN



#### 1.1 PENDAHULUAN

Kamus Dewan (1996) mendefinisikan pra sekolah sebagai pendidikan sebelum memasuki sekolah, manakala Kamaruddin (1996) menyatakan pra sekolah adalah pendidikan tidak formal yang diberikan kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Di dalam artikel ‘Pendidikan Pra Sekolah: Penyubur Kreativiti Pelajar’ (tahun tidak dinyatakan) yang diperolehi dari internet mentakrifkan bahawa pendidikan pra sekolah adalah pendidikan asas yang penting. Ia merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang individu selepas pendidikan di rumah. Ianya memberikan asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak yang berumur antara empat dan enam tahun sebelum memasuki alam persekolahan yang formal serta menjadi tapak yang boleh menyemaikan bibit cintakan ilmu pengetahuan dan sukakan sekolah. Dari perspektif Islam, pendidikan awal bermula dari masa anak masih berada dalam kandungan ibu lagi. Peringkat selepas lahir hingga ke peringkat tiga tahun





dikenali sebagai peringkat nurseri. Al-Ghazali (1296H) dalam Pendidikan Pra Sekolah (tahun tidak dinyatakan) berpendapat:-

*"Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya".*

Pendidikan pra sekolah ini menjadi batu asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak di mana mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) dengan kerjasama UNICEF dalam tahun 1980 sehingga tahun 1984 mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai pengalaman pendidikan pra sekolah lebih bersedia untuk mengikuti pendidikan di sekolah rendah.



Dalam rumusan kertas kerja Pendidikan Pra Sekolah (tahun dan penulis tidak dinyatakan) yang diperolehi dari internet, perkembangan sistem pendidikan pra sekolah telah wujud sejak sekian lama di Malaysia. Kebanyakannya lebih menjurus kepada pendidikan agama yang dilaksanakan secara tidak formal di kampung-kampung. Pengajian Al-Quran dan agama diajar kepada kanak-kanak yang berumur empat tahun ke atas oleh guru-guru agama. Masa yang ditetapkan untuk mereka belajar adalah mengikut kehendak tok guru. Pendidikan agama yang dijalankan secara tidak formal ini masih lagi berlaku sekarang dan mereka menghantar anak mereka kepada guru mengaji Al Quran yang dilantik oleh ahli jawatankuasa masjid atau kampung di sesuatu kawasan atau sekolah agama dan biasanya ganjaran kepada guru mengaji Al Quran ini adalah berupa pembayaran wang atau yuran setiap bulan.





Sistem pendidikan pra sekolah secara tidak formal ini terus berkembang seiring dengan tertubuhnya pusat-pusat asuhan kanak-kanak secara formal. Perkembangan pusat-pusat asuhan dan institusi pra sekolah secara formal di Malaysia berkait rapat dengan faktor permintaan sosial, sama ada yang disebabkan oleh desakan keperluan ekonomi ataupun perubahan nilai masyarakat ke arah permodenan. Pusat-pusat jagaan dan asuhan telah wujud bersama-sama dengan penubuhan ladang-ladang getah dan kawasan perlombongan semasa pemerintahan kolonial Inggeris. Pusat-pusat ini ditubuhkan bagi menjaga anak-anak pekerja, yang kedua-dua ibu dan bapa bekerja bagi mencari nafkah. Perkembangan bandar berserta dengan kepelbagaian kegiatan ekonomi bagi tujuan pembangunan telah mendorong kepada komersialisasi pusat-pusat jagaan dan asuhan secara meluas. Pusat-pusat jagaan dan asuhan ditubuhkan oleh pihak swasta bagi menampung permintaan ibubapa yang bekerja untuk menjaga kebajikan anak-anak mereka. Pusat-pusat ini mengambil kanak-kanak dari umur beberapa bulan dan empat tahun hingga enam tahun.

Berbeza sedikit halnya daripada pusat jagaan dan asuhan, pendidikan pra sekolah secara berinstitusi hanya bermula pada awal 1950-an. Pra sekolah ketika itu adalah untuk kanak-kanak daripada golongan yang berada kerana yuran bagi perkhidmatan itu adalah tinggi atau di luar kemampuan golongan bawahan. Oleh itu, pra sekolah bersifat elitis. Azizah (1995) menyatakan penubuhan institusi pra sekolah bertambah meluas sekitar 1960-an sejajar dengan perkembangan bandar-bandar utama, khususnya di negeri-negeri yang maju contohnya seperti Selangor. Ketidakseimbangan penyertaan dalam pra sekolah serta kepentingan pendidikan jenis ini disedari apabila Laporan Murad (1973) dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebelum laporan itu telah dikuatkuasakan peruntukan tambahan Akta pelajaran 1961, P.U. (A) 414 Kaedah-





kaedah Pelajaran (Kindergarten Sekolah Asuhan) (Pendaftaran), 1972 bagi mengawal perkembangan penubuhan dan pengurusan pusat-pusat berkenaan. Kesedaran tentang ketidakseimbangan penyertaan serta faedah pendidikan pra sekolah sebagai pendidikan awal telah mendorong beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan kakitangan jabatan kerajaan menubuhkan institusi pra sekolah dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Di antara agensi-agensi kerajaan yang giat menubuhkan dan membangunkan institusi pra sekolah serta program-program pendidikan berkenaan ialah FELDA, FELCRA, RISDA, KEMAS, Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, universiti-universiti, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Bandar dan Desa Sabah, Lembaga Letrik Negara dan Yayasan Sabah.



Mengikut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) yang dikeluarkan oleh '*Educational Statistics Of Malaysia*', dalam tahun 1990, seramai lebih kurang 490,700 orang kanak-kanak yang berumur lima tahun ke atas wajar mendapat pendidikan pra sekolah. Dari jumlah ini, dianggarkan seramai 269,450 orang kanak-kanak (53%) tidak mendapat kemudahan pendidikan tersebut. Keadaan ini mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia menubuhkan program pra sekolah '*Annex*' (kawalan) untuk memberi kemudahan pendidikan pra sekolah bagi kanak-kanak miskin dari kawasan bandar dan luar bandar yang tidak mampu membayar yuran program pendidikan pra sekolah yang dianggap mahal.

Kini terdapat berbagai badan yang berlainan seperti badan-badan sukarela, institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengendalikan institusi pendidikan pra sekolah. Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia (1984) terdapat kira-kira tiga





puluh satu (31) buah agensi kerajaan, separa kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bebas yang menganjurkan institusi pendidikan pra sekolah. Noor (1994) dalam petikan Berita Harian mencatatkan bahawa Kementerian Pendidikan juga turut terlibat membuka kelas pra sekolah. Rancangan membuka kelas pra sekolah ini dimulakan pada tahun 1992 membabitkan 1,131 buah kelas di sekolah yang terletak di luar bandar. Program ini diperluaskan ke beberapa Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SRJK) dan Maktab Perguruan (MP) yang terpilih. Pada umumnya, penubuhan institusi pendidikan pra sekolah oleh agensi kerajaan adalah untuk menempatkan kanak-kanak miskin dari kawasan bandar dan luar bandar yang tidak mampu membayar yuran program pendidikan pra sekolah. Institusi pendidikan pra sekolah yang ditawarkan oleh badan-badan swasta mengenakan kadar yuran yang lebih tinggi dengan adanya kelengkapan dan peralatan yang berteknologi tinggi. Walau bagaimanapun, institusi pendidikan pra sekolah yang dikelolakan oleh badan-badan sukarela seperti ABIM, institusi pengajian tinggi awam dan juga Kementerian Pelajaran adalah bersifat tidak mengambil untung dan kebiasaannya mengenakan kadar yuran yang lebih rendah.

Pendidikan pra sekolah mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri sebagai asas pendidikan dalam perkembangan pendidikan di negara ini kerana pendidikan pra sekolah bukanlah sebahagian dari sistem persekolahan di Malaysia. Terdapat berbagai istilah digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan program pendidikan pra sekolah. Berdasarkan satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dalam seminar Kebangsaan Pendidikan Pra Sekolah (1996), institusi pendidikan pra sekolah juga dikenali sebagai Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Taman Kanak-kanak, Tabika, Tadika, Taska, Taski, ‘Kindy’ dan sebagainya.





Pendidikan pra sekolah adalah pendidikan tidak formal yang bertujuan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani anak didik di luar lingkungan keluarga sebelum memasuki pendidikan formal.

## 1.2 PENSTRUKTURAN YURAN PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

Dalam konteks pendidikan hari ini, pra sekolah menjadi semakin penting dalam menyediakan asas pendidikan kepada kanak-kanak. Kesedaran ibubapa tentang kepentingan pendidikan pra sekolah menyebabkan mereka mencari peluang pendidikan yang menawarkan perkhidmatan terbaik untuk pembinaan kognitif, efektif dan psikomotor kepada anak-anak mereka. Peningkatan taraf hidup memberi alternatif kepada ibubapa untuk membuat pilihan dalam pendidikan pra sekolah walaupun terpaksa membayar kos yang tinggi. Permintaan tinggi terhadap pendidikan menyumbang kepada pertumbuhan pesat pendidikan pra sekolah dengan pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh sektor swasta bagi menarik pelanggan.

Kesan daripada peningkatan permintaan menyebabkan kos yang terpaksa dibayar oleh ibubapa semakin meningkat terutamanya di kawasan bandar. Petikan akhbar Kosmo bertarikh 28 Januari 2007 mencatatkan terdapat keluhan dan rungutan yang disuarakan oleh ibubapa mengenai kos mendaftar dan yuran pra sekolah yang terlalu tinggi. Tinjauan awal dilakukan di tiga puluh buah institusi pra sekolah di sekitar kawasan Lembah Klang untuk meneliti kos yang sebenar yang terpaksa dibayar oleh ibubapa untuk pendidikan pra sekolah (rujuk Lampiran 1). Yuran pendaftaran yang dikenakan sekitar RM300 sehingga mencecah RM1 200 manakala yuran bulanan yang dikenakan sekitar RM80 hingga RM300. Secara puratanya kos bagi





menempatkan kanak-kanak yang berumur empat, lima dan enam tahun di pra sekolah sekitar Lembah Klang ialah RM700 (RM681.73 – rujuk Lampiran 1). Pihak pengurusan pra sekolah menjelaskan bahawa yuran pendaftaran yang diambil itu untuk banyak tujuan dan melibatkan perbelanjaan bagi tempoh setahun. Bayaran tersebut untuk menanggung kos pakaian seragam, buku, makan-minum dan persembahan tahunan.

Pengawasan dan penyelenggaraan kurikulum pendidikan pra sekolah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran. Namun begitu tidak ada peruntukan khas yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran untuk pendidikan pra sekolah. Penglibatan Kementerian Pelajaran ialah setakat menyediakan panduan bagi kewujudan tadika-tadika. Penstrukturkan yuran pra sekolah pula melibatkan proses penetapan kadar yuran berdasarkan garis panduan tertentu. Panduan ini boleh dirujuk dalam pekeliling ‘Garis Panduan Penubuhan Tadika’ (2005) dari Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dalam menentukan yuran pendaftaran, yuran pendidikan, dan yuran khas, manakala dalam buku ‘Panduan Perniagaan Perkhidmatan Tadika’ (tahun tidak dinyatakan), pembayaran yuran bulanan dicatatkan diantara RM80 hingga RM200. Berdasarkan sumber daripada akhbar The Star (27 Ogos 1998), penetapan kadar yuran bagi institusi pendidikan pra sekolah adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Penetapan kadar yuran oleh satu-satu institusi pendidikan pra sekolah adalah bergantung kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Pada umumnya institusi yang menawarkan perkhidmatan dengan kelengkapan dan peralatan yang berteknologi tinggi seperti yang ditawarkan oleh ‘Smart Kindergarten’, mengenakan kadar yuran yang lebih tinggi. Kedudukan kewangan pra sekolah kelolaan swasta adalah kukuh disebabkan oleh yuran yang tinggi untuk setiap kanak-kanak. Sebaliknya pra sekolah kelolaan agensi-agensi





kerajaan tidak begitu kukuh kedudukan kewangannya jika dibandingkan dengan pra sekolah swasta. Sumber kewangan pra sekolah agensi kerajaan adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan tetapi jumlah itu sangat kecil manakala yang dikendalikan oleh badan sukarela bergantung sepenuhnya kepada bayaran yuran yang dikenakan.

Petikan dalam Berita Harian oleh Noor (1994), kerajaan memperuntukkan Bantuan Geran Perkapita (PCG) sebanyak RM100 setahun untuk setiap kanak-kanak bagi tujuan membeli peralatan dan bahan habis pakai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Faiza, dalam petikan Berita Harian (15 Julai 2005) mencatatkan pengumuman oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai pemberian geran kepada kanak-kanak yang mengikuti pendidikan pra sekolah di Tadika Kemas. 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi Kanak-kanak dari keluarga miskin tegar menerima geran RM250 setahun untuk setiap seorang, manakala RM100 setahun setiap orang untuk kanak-kanak yang mengikuti pra sekolah di tadika Kemas.

Bayaran untuk menghadiri institusi pra sekolah adalah berbeza-beza. Kanak-kanak dari keluarga kaya menghadiri institusi pra sekolah yang bayarannya lebih tinggi dari bayaran universiti dan kanak-kanak dari keluarga yang miskin akan menghadiri institusi pra sekolah yang bayarannya lebih murah atau kemungkinan tidak menghadiri langsung. Contohnya ada institusi pra sekolah di Lembah Klang (rujuk Lampiran 1) mengenakan bayaran pendaftaran RM1200 berbanding pendaftaran peringkat sarjana di sebuah universiti awam sekitar RM1050 bagi satu semester. Ekoran dari ini, institusi pra sekolah yang mengenakan bayaran yang tinggi dapat pula memberi gaji yang lebih tinggi kepada guru-guru yang mempunyai latihan yang lebih baik. Ini tidak mungkin





dilakukan oleh institusi pra sekolah yang mengenakan bayaran yang rendah, oleh itu guru-guru yang diambilnya tidak terlatih dan kedudukan mereka pula tidak tetap. Keadaan ini akan menjadikan institusi pra sekolah yang mengenakan bayaran tinggi itu lebih baik dan kanak-kanak yang menghadirinya menerima pendidikan yang lebih sempurna. Namun begitu agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, FELCRA, ABIM dan sebagainya yang bersifat tidak mengambil untung kebiasaannya mengenakan kadar bayaran yang lebih rendah juga mempunyai tenaga pengajar yang dilatih sendiri oleh agensi-agensi tersebut.

Dengan berbagai pilihan pakej pendidikan pra sekolah yang terdapat di pasaran, ia memberi peluang kepada pihak ibubapa untuk memilih mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan masing-masing. Kesimpulannya ialah kanak-kanak yang lebih baik kedudukan sosio-ekonominya akan mendapat pendidikan pra sekolah yang lebih sempurna. Pembayaran yuran yang berbeza mencerminkan ketidakseimbangan antara kawasan dan agensi yang terlibat.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pada kebiasaanya, institusi pra sekolah yang diwujudkan di dalam kawasan masjid menyediakan perkhidmatan untuk kanak-kanak yang ibubapa mereka berpendapatan rendah dan sederhana tetapi mementingkan asas pendidikan Islam. Dari tinjauan awal didapati institusi pra sekolah ini bukan sahaja menjadi pilihan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana tetapi ianya juga mendapat sambutan dari mereka yang berpendapatan tinggi atau profesional. Tinjauan pendapat secara rambang dari golongan ini yang tinggal di sekitar Pelabuhan Klang menyatakan mereka lebih rasa





selesa mendedahkan anak mereka kepada pendidikan Islam sejak dari kecil lagi sebelum memasuki alam persekolahan yang lebih menumpukan kepada bidang sekular. Namun begitu hanya terdapat lima buah institusi pra sekolah berkonsepkan agama di sekitar Pelabuhan Klang dan satu daripadanya adalah kelolaan pihak swasta dan empat lagi adalah kelolaan masjid.

Oleh itu adalah penting institusi pra sekolah yang berkonsepkan agama dapat memperbaiki perkhidmatan mereka setanding dengan pusat yang dikelolakan oleh pihak swasta atau agensi kerajaan yang lebih menumpukan kepada konsep ‘*montessori*’ (persediaan pelajar untuk memasuki sekolah rendah), konsep KBSR, dan konsep pengurusan 3M. Institusi pra sekolah kelolaan swasta dan agensi kerajaan menekankan penggunaan teknologi canggih dan tempat yang sesuai untuk kanak-kanak belajar sambil bermain. Terdapat juga institusi pra sekolah kelolaan pihak swasta yang berkonsepkan agama namun yuran yang dikenakan adalah mahal. Institusi pra sekolah yang diberikan perhatian di dalam kajian ini adalah institusi pra sekolah kelolaan pihak pengurusan masjid yang mengenakan yuran rendah. Oleh itu pihak pengurusan perlu menetapkan kadar yuran bulanan yang bersesuaian di mana tidak terlampau membebankan ibubapa dan pada masa yang sama mampu untuk menampung kos pengendalian pusat serta menambahbaikkan pusat tersebut. Ini adalah kerana sumber pendapatan utamanya didapati dari hasil kutipan yuran bulanan.

Kebanyakan institusi pra sekolah yang dikelolakan oleh pihak masjid ini mempunyai Tadika dan Taski. Tadika Ar-Rahman menyediakan perkhidmatan khas untuk kanak-kanak Islam. Bagi kanak-kanak yang berumur dua tahun hingga empat tahun, mereka dikategorikan sebagai kanak-kanak Taski manakala kanak-kanak yang





berumur lima dan enam tahun pula dikategorikan sebagai kanak-kanak Tadika. Setiap kategori mempunyai jadual aturcara harian yang khusus. Tadika Ar-Rahman ini juga menyediakan perkhidmatan nurseri untuk kanak-kanak di bawah umur dua tahun. Ianya ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan penjagaan dan bimbingan Islam kepada anak-anak penduduk di kawasan tersebut bagi semua golongan pendapatan. Pengendalian dan pengurusan institusi ini dikelolakan sepenuhnya oleh sebuah jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri dari kalangan ahli jawatankuasa masjid. Ahli jawatankuasa masjid akan menawarkan sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan agama serta yang berminat untuk mengajar kanak-kanak tersebut. Mereka yang dilantik akan terlibat sebagai pentadbir juga sebagai tenaga pengajar. Matlamat utama pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman ini adalah untuk membantu ibubapa di sekitar kawasan tersebut menempatkan anak-anak mereka dengan selamat sewaktu mereka menjalankan tugas dan juga dapat menyemaikan ilmu agama kepada anak-anak pada peringkat awal. Selain dari itu ianya diharapkan dapat membantu ibubapa yang dalam lingkungan berpendapatan rendah mengambil kesempatan di atas kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Kos pengendalian Tadika Ar-Rahman seperti bil-bil air dan letrik, ditanggung oleh pihak masjid. Pihak masjid mendapatkan kewangan mereka dari Jabatan Agama Islam Selangor juga dari kutipan bulanan penduduk mukim tersebut. Kewangan dari JAIS merupakan kewangan yang dipohon untuk penyelenggaraan masjid dan bangunan Tadika Ar-Rahman. Manakala kos pentadbiran seperti gaji tenaga pengajar dan pengasuh adalah dari hasil kutipan yuran bulanan. Hasil pendapatan sampingan (dalam jumlah yang kecil) diperolehi daripada program tahunan yang dijalankan seperti mengadakan Hari Kantin, Jualan Lelong, program berbentuk pertandingan contohnya





pertandingan membaca al-Quran dan Hari Anugerah. Pada masa ini kadar bayaran yuran Tadika Ar-Rahman adalah berdasarkan tiga kategori utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 di bawah:-

**Jadual 1.1**  
**Kadar Yuran Tadika Ar-Rahman 2007**

Kategori kanak-kanak	Bayaran Yuran Bulanan Bagi Seorang Kanak-Kanak
Nurseri (2 tahun ke bawah)	RM 120.00
Taski (2 hingga 4 tahun)	RM 100.00
Tadika (5 hingga 6 tahun)	RM 80.00

Kadar yuran ini adalah yang terkini (awal tahun 2007). Terdapat perubahan yuran dari tahun 2006 disebabkan kewangan institusi tersebut berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan perbandingan yuran Tadika Ar-Rahman untuk tahun 2006 dan 2007:

**Jadual 1.2**  
**Perbandingan Yuran Tadika Ar-Rahman Untuk Tahun 2006 dan 2007**

Kategori kanak-kanak	Yuran Bulanan 2006	Yuran Bulanan 2007	Peningkatan
Nurseri (2 tahun ke bawah)	RM 80.00	RM 120.00	50%
Taski (2 hingga 4 tahun)	RM 60.00	RM 100.00	67%
Tadika (5 hingga 6 tahun)	RM 50.00	RM 80.00	60%

Jika dibandingkan kadar yuran bulanan Tadika Ar-Rahman tahun 2006 dengan institusi pendidikan pra sekolah yang lain, kadar yang ditetapkan oleh pihak masjid Ar-





Rahman adalah rendah. Sebagai contoh, Jadual 1.3 menunjukkan kadar yuran Tadika Ar-Rahman dibandingkan dengan kadar yuran tadika lain (Tadika 1 dan 30: rujuk Lampiran 1) untuk tahun 2006:

**Jadual 1.3**  
**Perbandingan Kadar Yuran Bulanan 2006 (Kategori Tadika)**

Tadika Ar-Rahman	Tadika 1	Beza	Tadika 30	Beza
RM 50	RM 300.00	500%	RM 80.00	60%

Namun begitu, masih terdapat ibubapa terutamanya berpendapatan rendah dan sederhana yang tidak mampu menjelaskan yuran pengajian anak-anak mereka. Oleh itu, untuk meringankan beban ibubapa pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman akan menanggung sendiri kos pengendalian melalui wang derma yang diberikan oleh orang ramai kepada pihak masjid. Kewangan yang digunakan ini juga telah mendapat persetujuan dari pihak masjid juga dari Ketua Kampung.

Proses penyemakan kadar yuran dilakukan secara ‘ad-hoc’ dan apabila keadaan terdesak. Pihak pengurusan sendiri sebenarnya tidak dapat meluangkan sebahagian besar masa mereka terhadap pengurusan institusi tersebut memandangkan mereka juga mempunyai tugas lain. Hanya pada tahun ini dicadangkan supaya dilantik pentadbir dari kalangan AJK masjid yang tidak mempunyai komitmen kerja lain contohnya dari kalangan mereka yang telah bersara atau yang tidak bekerja. Cadangan ini adalah untuk memastikan pengurusan Tadika Ar-Rahman lebih tersusun.

Proses penyemakan yuran akan menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan sekiranya penstrukturran yuran yang sistematik diwujudkan dan boleh digunakan pada





bila-bila masa yang dirasakan perlu. Pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman boleh merancang yuran yang bersesuaian pada tahun mendatang, mempromosikan perkhidmatan yang lebih dinamik demi melahirkan kanak-kanak Islam yang mahir dalam agama mahupun dalam bidang pengetahuan lain juga dapat membantu kanak-kanak dari golongan ibubapa berpendapatan rendah menerima pendidikan pra sekolah dengan yuran yang mampu dibayar oleh ibubapa mereka. Dalam menyelesaikan permasalahan kekurangan kewangan juga masalah lain yang dihadapi oleh pihak Tadika Ar-Rahman maka satu kajian kes penstrukturran yuran akan dilakukan. Oleh yang demikian, secara ringkasnya kajian kes ini adalah bertujuan untuk:

- (i) Melihat sejauh mana model yang dihasilkan boleh membantu pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman sebagai satu alat sumber maklumat berhubung dengan masalah penstrukturran yuran dan perancangan kewangan pihak pengurusan pada masa akan datang.
- (ii) Mencadangkan penyelesaian alternatif kepada masalah berhubung dengan kadar yuran bagi golongan ibubapa kanak-kanak yang berpendapatan rendah yang menghantar anak mereka ke Tadika Ar-Rahman.
- (iii) Membangunkan satu model penstrukturran yuran yang lentur bagi membantu proses penyemakan yuran Tadika Ar-Rahman.
- (iv) Mengaplikasikan kaedah pengaturcaraan gol dalam menentukan struktur yuran yang sesuai untuk Tadika Ar-Rahman.

#### 1.4 SOALAN KAJIAN

Secara ringkasnya kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:





- (i) Adakah model penstrukturran yuran ini dapat membantu pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman mendapatkan sumber maklumat berhubung dengan permasalahan yuran serta meningkatkan kualiti perkhidmatan juga dapat bersaing dengan tadika lain yang mempunyai sumber kewangan yang stabil dan infrastruktur yang lebih baik?
- (ii) Adakah model ini boleh dijadikan satu penyelesaian alternatif kepada masalah berhubung dengan kadar yuran yang berpatutan di Tadika Ar-Rahman untuk kanak-kanak yang ibubapa mereka dari golongan berpendapatan rendah?
- (iii) Adakah perlu dibangunkan satu model penstrukturran yuran yang lentur untuk Tadika Ar-Rahman bagi membantu proses penyemakan yuran untuk tahun mendatang?
- (iv) Bolehkah kaedah pengaturcaraan gol ini diaplikasikan dalam menyelesaikan masalah penstrukturran yuran untuk Tadika Ar-Rahman?

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Di antara manfaat yang diperolehi hasil daripada kajian ini ialah ianya boleh menjadi salah satu sumber rujukan bagi menyelesaikan masalah penstrukturran yuran institusi pendidikan pra sekolah. Hasil kajian ini boleh digunakan untuk memudahkan pihak pengurusan melaksanakan proses penyemakan yuran yang bersesuaian dengan persekitaran juga pendapatan ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika. Model penstrukturran yuran yang dibangunkan dalam kajian ini diharap dapat membantu mengurangkan beban pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman yang mempunyai tanggungjawab tugas hakiki, menjimatkan masa dalam proses penyemakan





yuran, dan memperkembangkan lagi bidang pengurusan saintifik melalui penggunaan kaedah pengaturcaraan gol.

### 1.6 RASIONAL KAJIAN

Rasional mengapa kajian ini perlu dibuat antaranya ialah membantu memberikan nasihat kepada pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman dalam menstruktur semula yuran bulanan yang sesuai bagi pusat pendidikan pra sekolah untuk menampung kos pengendalian serta meningkatkan perkhidmatan pusat tersebut, membantu institusi pendidikan pra sekolah yang berteraskan Pendidikan Islam menjadi institusi pendidikan pra sekolah yang kompetitif di samping tidak mengabaikan tanggungjawab sosial melalui penstrukturran yuran yang bersesuaian, dan mengaplikasikan Model Pengaturcaraan Gol dalam menyelesaikan masalah penstrukturran yuran serta memperkembangkan lagi bidang pengurusan saintifik melalui penggunaan kaedah ini.

### 1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman dan beberapa lagi institusi pendidikan pra sekolah di bawah pelbagai pentadbiran di sekitar Pelabuhan Klang dan Lembah Klang. Maklumat tentang kadar yuran yang diperolehi daripada institusi pendidikan pra sekolah yang lain digunakan untuk tujuan perbandingan terutamanya dari segi kadar yuran yang ditetapkan oleh institusi-institusi tersebut. Dalam kajian ini semua maklumat perbelanjaan dan pendapatan yang diperolehi dari pihak pengurusan Tadika Ar-Rahman diambil pada bulan Disember 2006 dan Januari 2007. Sesi temubual yang dibuat secara tidak formal dengan pihak pengurusan tadika juga dibuat semasa mendapatkan data perbelanjaan





dan pendapatan Tadika Ar-Rahman. Temubual tidak dibuat secara formal untuk mengelakkan salah faham kenapa kajian ini dibuat. Manakala tinjauan secara rambang dengan ibubapa dan juga pihak pengurusan beberapa institusi pendidikan pra sekolah yang lain di sekitar Pelabuhan Klang dan Lembah Klang dibuat di antara bulan September 2006 sehingga akhir bulan Januari 2007. Pemilihan tiga puluh buah institusi pra sekolah dilakukan secara rawak kerana satu kawasan perumahan di Lembah Klang mempunyai purata empat buah institusi pra sekolah kelolaan pelbagai agensi. Data purata institusi pra sekolah ini diperolehi semasa proses tinjauan dilakukan. Begitu juga temubual dengan ibubapa kanak-kanak Tadika Ar-Rahman dijalankan bermula awal bulan Januari 2007 semasa mereka mula mendaftarkan anak-anak mereka. Data-data yang diperolehi, soalan dan jawapan hasil dari tinjauan dan temubual tersebut semuanya dikumpulkan dan dianalisis serta dijadikan kesimpulan jawapan (rujuk Lampiran 2 dan 3).

